

Pak Lah hargai sokongan

KOTA KINABALU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan penghargaan terhadap semua pihak yang menyokong kepemimpinannya selepas hebat dikritik bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menyifatkan sokongan terbabit sebagai kepercayaan padu terhadap kerajaan sedia ada, Perdana Menteri berkata, perkembangan itu turut bermakna semua pihak mulai bergerak sebagai satu pasukan ke arah menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Alhamdulillah, terima kasih. Sokongan kepada saya ini bermakna sokongan juga kepada program dan projek yang hendak kita laksanakan menerusi RMK-9 serta Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020.

"Saya juga menyokong mereka dan apabila semuanya saling membantu, ia mewujudkan kerjasama yang diharap akan membuahakan hasil... kebbaikannya adalah untuk rakyat dan negara," katanya pada sidang media selepas majlis perjumpaan dengan Pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Teluk Likas di sini, semalam.

Pelbagai pihak merangkumi menteri, ahli politik, ahli akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) menyatakan sokongan padu terhadap Perdana Menteri serta pentadbirannya selepas Dr Mahathir melahirkan pelbagai kritikan keras, termasuk menuduh penggantinya itu menikam beliau dari belakang.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah mengulangi ikrar untuk menunaikan segala janji menerusi kerajaan pimpinannya.

"Fokus saya adalah untuk menjayakan RMK-9 dan saya tidak ada masa untuk perkara lain.

"Mana yang tak elok kita perbaiki, kena tegur-menegur dan saling menasihati demi kebaikan bersama...elakkan perkara tidak membawa kebaikan," katanya.

Abdullah turut ditanya mengenai nasihatnya kepada kakitangan kerajaan berikutan demam Piala Dunia yang bermula malam tadi.

"Tengoklah, tengoklah... memang semua orang syok tengok (Piala Dunia) tapi kerjalah, jangan sampai lupa nak mai (datang) Pejabat," katanya.